

MAHATHIR R'W'R'  
(I)

1983

KUALA LUMPUR, 8 JUN (BERNAMA) -- KERAJAAN BERCADANG MENYERAHKAN REBANYAKAN AGENSI PERKHIDMATANNYA KEPADA SEKTOR SWASTA DI BAWAH PROGRAM PENGSWATAANNYA, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

INI TERMASUKLAH PERKHIDMATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH KERETAPI TANAH MELAYU, LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN DAN JABATAN TELEKOM.

BERUCAP DI MALAM 'PERPADUAN EKONOMI' ANJURAN MAJLIS BERSAMA DEWAN-DEWAN PERNIAGAAN MELAYU-CINA MALAYSIA DI SINI PERDANA MENTERI MENYATAKAN HARAPAN AGAR PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN BERKENAAN AKAN DAPAT DIJALANKAN DENGAN LEBIH CEKAP DAN MENDATANGKAN KEUNTUNGAN DI BAWAH PENGURUSAN SEKTOR SWASTA.

BELIAU BERKATA BELIAU INGIN MELIHAT SEKTOR SWASTA MENGENDALIKAN PERKHIDMATAN KERETAPI DARI BUTTERWORTH KE PASIR GUDANG, JOHOR.

KATANYA KERAJAAN JUGA SEDANG MENIMBANGKAN SECARA BERSUNGGUH-SUNGGUH BAGI MEMBENARKAN SEKTOR SWASTA MEMAJU DAN MENGENDALIKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PERKHIDMATAN DI LEMBAGA-LEMBAGA PELABUHAN KELANG DAN PULAU PINANG. -- LAGI 2322/MB

ZCZC B717

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KATANYA KERAJAAN HANYA INGIN MENGEKALKAN KIRA-KIRA 10 HINGGA 15 PERATUS PENYERTAAN DALAM AGENSI-AGENSI PERKHIDMATAN SEUPAMA ITU.

DENGAN ADANYA PENGLIBATAN SEKTOR SWASTA SALAM PENGENDALIAN PELABUHAN-PELABUHAN MALAYSIA, LEBIH RAMAI PENIAGA DALAM NEGERI DAPAT MENGGUNAKAN PELABUHAN-PELABUHAN TEMPATAN BAGI KEGIATAN EKSPORT DAN IMPORT MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU INGIN MELIHAT PARA PENIAGA MALAYSIA TANPA MENGIRA ASAL KETURUNAN SUPAYA SAMA-SAMA MENUBUHKAN PERBADANAN-PERBADANAN PERNIAGAAN YANG BESAR AGAR MEREKA BOLEH BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT ASING YANG TELAH MANTAP KEDUDUKANNYA.

BELIAU BERKATA HANYA SECARA PERBADU TENAGA DAN SUMBER MEREKA DAPAT MENUBUHKAN PERTUBUHAN PERNIAGAAN YANG KUKUH YANG SETANDING DENGAN FIRMA-FIRMA JEPUN DAN EROPAH.

TAMBAH BELIAU AMALAN BERNIAGA DI KALANGAN KELUARGA PERLULAH DIHAPUSKAN.

KATANYA TELAH TERBUKTI BAHAWA SYARIKAT-SYARIKAT BESAR LEBIH TINGGI PENCAPAIANNYA DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT PERSENDIRIAN YANG LEBIH KECIL KECIL KERANA MODALNYA LEBIH BESAR. -- LAGI 2340/II

ZCZC B718

MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA 'KITA MESTILAH BERAZAM UNTUK MENGENDALIKAN PERNIAGAAN KITA SECARA BESAR-BESARAN'.

BELIAU JUGA MENGGESA PARA PENIAGA MALAYSIA SUPAYA BERUSAHA MENGEKSPORT LEBIH BANYAK BARANG KELUARAN MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIFATKAN PENUBUHAN MAJLIS BERSAMA SEBAGAI PERMULAAN ERA BARU PEMBANGUNAN EKONOMI DI NEGARA INI.

BELIAU BERKATA KERAJAAN AKAN MEMBERI SEGALA BANTUAN YANG PERLU BAGI MEMBOLEHKAN MEREKA BEKERJASAMA DENGAN LEBIH BERKESAN DALAM PENGENDALIAN USAHASAMA PERNIAGAAN PERDAGANGAN.

KATANYA DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA KAKITANGAN KERAJAAN TELAH DIBERITAHU SUPAYA MENYEDIAKAN SEMUA BANTUAN YANG PERLU BAGI MEMPASTIKAN KEJAYAAN SEKTOR SWASTA.

KERAJAAN BERAZAM MELIHAT SEKTOR SWASTA MENDAPAT UNTUNG BANYAK SUPAYA KERAJAAN DAPAT MENGUTIP LEBIH BANYAK HASIL DALAM BENTUK CUKAI.

KATANYA. -- LAGI 2359/II  
MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI MENCADANGKAN DAHAWA KALANGAN PERNIAGAAN MENGURANGKAN PERLUMBAAN SESAMA SENDIRI, DAN BEKERJASAMA DENGAN KERAJAAN DI BAWAH KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA ITU.

INI AKAN MEMBOLEHKAN NEGARA MENCAPAI KADAR PERTUMBUHAN YANG LEBIH TINGGI, TAMBAHNYA.

BELIAU BERHARAP DENGAN PENUBUHAN MAJLIS BERSAMA ITU LEBIH BANYAK PERKONGSIAN DAN USAHASAMA DAPAT DIWUJUDKAN DI ANTARA PARA PENIAGA MELAYU DAN CINA.

KATA BELIAU 'KITA BERADA DALAM DUNIA YANG SALING MEMERLUKAN DAN KITA MESTILAH MENGADAKAN SATU SISTEM KERJASAMA YANG AKAN MEMBOLEHKAN PERTUMBUHAN EKONOMI DI NEGARA INI.'

TERDAHULU PRESIDEN DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA, DR. NAWAWI MAT AWIN BERKATA MATLAMAT PENUBUHAN MAJLIS BERSAMA ITU BUKAN SAHAJA UNTUK MEMUPUK PERSEFAHAMAN DAN KERJASAMA LEBIH RAPAT DI ANTARA PENIAGA MELAYU DAN CINA BAGI MEMAJUKAN PEMBANGUNAN EKONOMI YANG LEBIH SIHAT MALAHAN UNTUK PERPADUAN NEGARA.

MAJLIS BERSAMA ITU AKAN MEMAJUKAN USAHASAMA-USAHASAMA DIANTARA KEDUA-DUA DEWAN PERNIAGAAN ITU DAN ANGGOTA-ANGGOTA MEREKA DENGAN HARAPAN DAPAT MENGHAPUSKAN PENGENALAN KAUM MENGIKUT KEGIATAN EKONOMI Masing-masing. -- BERNAMA 0025/PA